

DEWAN



Budaya

ديوان بوحاايا

PEMARTABATAN TAMADUN BANGSA

SENI BINA

dan

“GANGGUAN”
TEKNOLOGI

f Dewan Budaya DBP
dewanbudayadbp
#MalaysiaMembaca

KK 800-91845-0423
ISSN 0126-8473



9 770 126 8472 85





Kandungan

Jilid 45 • Bil. 04/2023 • KK 800-91845-0423 • ISSN 0126-8473

- | | | | |
|----|---|----|---|
| 1 | INTI PATI
Usah Menjadi "Hamba" Teknologi | 27 | ISTILAH SEMASA |
| 4 | PERDANA
Seni Bina dan "Gangguan" Teknologi
- Atta Idrawani Zaini | 28 | CORETAN SENI
"Piksel" Faizal Sidik
- Morne Hashim |
| 10 | SILANG BUDAYA
Raya dalam Budaya Melayu
- Jamil Hashim | 32 | LENSA
Tenang dan Damai
- Nor Khaliza Mat Yunus |
| 14 | SEJAGAT
Pesta Buku sebagai Pembina Tamadun
- Suriani Othman | 34 | CERITERA BULAN INI
Bedak Sejuk Tok Piah
- Afif Zulhusni |
| 18 | TRADISI
"Panas" dan "Sejuk" dalam Masyarakat Melayu
- Norzainatul Adian Mat Da | 40 | BILAH MAHAWANGSA
Korelasi antara Jenis Besi dengan Reka Bentuk Pedang
- Tengku Nara Paduka |
| 22 | TRADISI
Rewang Membentuk Masyarakat Bersatu Padu
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim | 44 | WARISAN
Menyingkap Keunikan Ketupat Palas
- Nur Haifaa' Suhaimy |



48 ANJUNG VISUAL
Tazidi Yusof: Kartunis Merakam Nostalgia
- Rasfan Abu Bakar

52 JEJAK PERADABAN MELAYU
Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Bandar Hilir, Melaka
- Abdul Latiff Abu Bakar

58 STANZA BICARA
Syair Tun Fatimah
- Ismail Hashim

Rumah Bahasa
- Syaidul Azam Kamarudin

60 LAYAR
Bersama-sama Menjadi Luar Biasa
- Hady Abd Hamid

Harapan Baharu Seorang Banduan
- Atiqah Abd Rahim

64 SANA SINI

Ketua Pengarah
Dr. Hazami Jahari

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Haji Md. Johari Hasan

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Zulfa Hamzah

Pengarah Penerbitan
Fauzilahyatun Mustafa

Ketua Editor
Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor
Aninah Janang
(aninah@dbp.gov.my)

Editor
Muhammad Lutfi Zahid
(lutfi@dbp.gov.my)

Penolong Editor
Muhammad Mubarak Ismail
(mubarak@dbp.gov.my)

Pentadbiran
Nor Fazliatul Akmar Che Rani, Siti Hazlinda Mohd Zulkifli, Wan Mohd Safuan Wan Ahmad@ Wan Hassan, Mohamed Radzuan Mohamed Noor

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman
Elyanna Samsudin

Pencetak
Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.
No. 12, Jalan 4/118C,
Desa Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.


Urusan Langganan
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor.

Tel.: 03 - 4101 0033
Faks: 03 - 4101 2019
E-mel: pp@dbp.gov.my

TANGAN KITA PADA HARI INI TIDAK LEKANG DARIPADA MEMEGANG TELEFON YANG BUKAN LAGI SEKADAR DIGUNAKAN UNTUK MENELEFON, TETAPI UNTUK MELANGSAIKAN SEGALA SEGI URUSAN HARIAN. FAIL KERJA PULA DISIMPAN DI “AWAN”, KANDUNGAN BERITA DAN HIBURAN TIDAK LAGI DISUAP OLEH MEDIA ARUS PERDANA, DAN KENDERAAN SEKARANG SUDAH PANDAI MEMANDU DENGAN SENDIRI. MALAH PERBUJATAN MENULIS MAKALAH INI TIDAK LAGI MELALUI KERJA “MENULIS” SEPERTIMANA KATA KERJA YANG LAZIMNYA MERUJUK PERGERAKAN OTOT TANGAN MENGGUNAKAN PENSA DAN KERTAS, TETAPI LEBIH KEPADA MENAIP SAHAJA.



SENI BINA *dan* “GANGGUAN” TEKNOLOGI



Teknologi CAD digunakan bagi melukis pelan dan menjana model 3D bangunan.

Perubahan nilai manusia secara perlahan-lahan beradaptasi dengan teknologi, malah ketamadunan manusia itu juga bergantung pada campur tangan teknologi. Namun begitu, gangguan teknologi dilihat lebih ketara sejak kebelakangan ini. Manusia tidak lesu dalam memaksa teknologi agar sentiasa kehadapan, dan hasilnya, keghairahan ini perlu dibayar dengan nilai konvensional manusia yang berubah dalam kadar yang mendadak. Bandingkan sahaja keadaan masyarakat satu dekad yang lalu dengan sekarang, sudah banyak perubahan nilai yang telah diusik oleh teknologi.

Satu aspek yang jarang-jarang disentuh ketika menulis tentang gangguan teknologi adalah aspek seni bina yang selama ini disenyapkan daripada naratif wacana yang berlegar hanya di sekitar peranti dan penemuan baharu. Mungkin disebabkan oleh

seni bina itu bersifat “*omnipresen*”, kerana seni bina itu jarang-jarang dihayati, tetapi dapat dinikmati. Kita berdiri dalam lingkungan yang selesa tanpa sedar bahawa lingkungan itu terbina oleh sistem binaan satah lantai, dinding dan bumbung yang bertembung membentuk ciptaan yang disebut sebagai seni bina.

Satu sebab lagi apabila perubahan seni bina tidak dapat dirasai, maka sering tercicir daripada wacana berkaitan dengan gangguan teknologi. Namun begitu, sepertimana juga setiap fenomena lain, seni bina juga sebenarnya berubah. Sebagai misalnya, kediaman yang disediakan pemaju menggunakan susun atur ruang kediaman moden pada hari ini amat berbeza daripada susun atur ruang rumah milik datuk dan nenek kita, hasil daripada revolusi seni bina bawaan

teknologi hingga ke hari ini. Dengan kata lain, seni bina merupakan teknologi yang diinovasi melalui beberapa siri revolusi hasil daripada perkembangan teknologi-teknologi lain.

REVOLUSI SENI BINA DAN TEKNOLOGI

Seni bina kerap dibentuk sebagai penyelesaian masalah yang berkaitan dengan konflik, politik, ekonomi dan alam sekitar. Seni bina ialah artifak yang terhasil oleh tekanan berpanjangan teknologi sebagai tulang belakang yang mencairkan masalah-masalah tersebut. Banyak masalah, sama ada pada peringkat kecil atau besar, perlu diselesaikan oleh arkitek sehinggalah tercetusnya titik revolusi dalam seni bina. Malah, pernah juga beberapa kali teknologi itu sendiri menjadi faktor utama dalam mencetuskan revolusi.

Sebagai misalnya, gerakan seni bina modenisme yang menjadi

Satu aspek yang jarang-jarang disentuh ketika menulis tentang gangguan teknologi adalah aspek seni bina yang selama ini disenyapkan daripada naratif wacana yang berlegar hanya di sekitar peranti dan penemuan baharu. Mungkin disebabkan oleh seni bina itu bersifat "*omnipresent*", kerana seni bina itu jarang-jarang dihayati, tetapi dapat dinikmati.

mercu kepada era revolusi industri yang pertama hanya menumpang kemajuan teknologi enjin wap yang memudahkan proses pembuatan keluli, kaca dan konkrit bertetulang sebagai bahan binaan utama. Secara perlahan, populariti gaya rupa seni bina *Rococo* dan *Baroque*

digantikan dengan seni bina yang minimalis, fungsional dan bebas daripada geometri berat.

Aliran seni bina yang disifatkan lebih rasional ini diraikan sebagai pemikiran seni bina baharu, sepertimana yang disebut oleh Walter Gropis, sebagai cerminan "demokrasi tulen" masyarakat. Namun begitu, ada yang mendakwa bahawa di sebalik agenda merakyatkan seni bina ini, pemacu sebenar aliran modenisme adalah kesegeraan. Dengan kata lain, seni bina moden tidak berlaku tanpa kemajuan teknologi perkilangan bahan binaan yang memperkasa kesegeraan ini.

Melangkah 100 tahun kemudian, pada era pascamodenisme 1980-an, komuniti arkitek mula tertarik dengan teknologi digital. Perisian CAD atau *Computer Aided Design*, membolehkan arkitek mereka bentuk dan melukis pelan bangunan secara tepat dan cepat. Malah pihak konsultant seperti jurutera, kontraktor dan juruukur

yang berkomunikasi dalam bahasa CAD yang sama merancang lagi produktiviti penghasilan seni bina.

Sebagai hasilnya, pembangunan dilihat semakin rancak, namun reka bentuk seni bina dilihat mula menjadi lebih yakin dan efisien, tetapi kelihatan kaku dan berulang. Kecenderungan para arkitek untuk lari daripada keterbatasan cara bekerja yang konvensional dan lambat ternyata memberikan kompromi kepada reka bentuk yang melahirkan lebih banyak seni bina tipikal, namun cepat.

KESEGERAAN MEMBUNUH KESEGERAN

Tema utama yang dapat dilihat adalah komuniti arkitek mementingkan kesegeraan dan hal ini seolah-olah memberikan kesan kepada reka bentuk seni bina. Pengaruh budaya TikTok dan media sosial yang menyasarkan penerbitan kandungan segera walaupun dalam kualiti yang kasar, tidak lagi menekankan elemen estetika halus dan berseni. Hal ini juga

Revolusi seni bina membawa perubahan kepada corak dan konsep pembinaan bangunan dan rumah.



cerminan kepada masyarakat yang mementingkan kesegeraan dalam penyampaian mesej dan cenderung berkomunikasi menggunakan simbol emoji, berbanding dengan perkataan dalam perbualan di media sosial.

Pada era manusia sentiasa mementingkan semua benda dapat dimuat turun, dibeli, dibina dan diterima dengan segera, reka bentuk seni bina yang dikira segar

beberapa bulan yang lalu akan juga hilang kerelevanannya setelah keabsahan sosial berkurangan mengikut selera yang hanya sohor kini.

Seni bina juga kini mampu dibina dalam beberapa jam sahaja dengan kewujudan teknologi pencetakan 3D yang sudah pun diamalkan oleh beberapa buah negara maju. Selama ini, seni bina merupakan artifak yang

hari ini, seni bina seolah-olah direka bentuk agar memuaskan hati masyarakat dalam kadar yang segera. Gaya rupa seni bina yang popular adalah reka bentuk yang bersetuju dengan trend penerimaan dalam media sosial yang merentasi batas geografi dan budaya. Hal ini dapat dilihat melalui kerancangan pembangunan rumah dengan gaya rupa seni bina ala Nordic dari rantau Scandinavia yang menjadi sangat popular di rantau Asia kerana turut popular di media sosial.

Hal ini juga turut disokong oleh teknologi e-dagang yang memudahkan pengguna mendapatkan akses kepada bekalan bahan binaan yang sebelum ini sukar didapati. Pernah satu ketika pada tahun 2020, trend memasang *wainscoating* menjadi sangat popular dalam reka bentuk dalaman rumah di Malaysia disebabkan pengaruh media sosial. Pengimportan budaya ini dipermudahkan lagi melalui platform membeli-belah secara dalam talian sehinggakan *wainscoating* ini dapat dibeli dan dipasang sendiri di rumah.

Walaupun elemen *wainscoating* itu adalah satu elemen yang asing dalam budaya kediaman di Malaysia pada sebelum era pandemik, namun kerana pengaruh media sosial dan kemudahan akses kepada bahan binaan tersebut, maka *wainscoating* mula biasa menjadi tampalan-tampalan kosmetik di atas dinding ruang domestik di Malaysia. Kecelaruan ini tidak hanya berlaku di alam nyata, malah turut dirasai di dalam alam cereka yang kita gelar sebagai dunia digital.


SENI BINA REALITI DAN CEREKA

Sejak berlaku pandemik COVID-19, dunia seakan-akan melangkah ke orde baharu. Tahap adaptasi kepada teknologi baharu yang



Rekaan seni bina yang direka menggunakan perisian berasaskan visual.





Konsep ruang dan seni bina dalam metasemesta diberikan makna baharu.

belum pernah berlaku sebelum ini meningkat. Sudah tentu faktor yang dapat dikaitkan adalah majoriti masyarakat dunia telah menghabiskan banyak masa di rumah dan mula bereksperimen dengan teknologi baharu. Konsep pemilikan aset di alam maya juga menerima anjakan.

Teknologi blok rantai yang memacu transaksi mata wang “kripto” menjadi semakin selamat dan stabil. Maka itu, muncul konsep yang sebelum ini hanya difahami oleh segelintir pengguna, kini diterima oleh masyarakat umum seperti konsep NFT, Web 3.0 dan metasemesta. Proses penterjemahan realiti ke alam maya diperkasakan lagi dengan teknologi VR yang matang dan capaian Internet yang pantas, menyebabkan jarak antara realiti sedia ada dengan realiti ciptaan mengecil, dan kadangkalanya bertindih.

Istilah “ruang siber” kini bukan lagi satu senario metaforikal kerana dengan konsep pemilikan, pembelian dan keterhadan yang

wujud dalam dunia sebenar kini dipindahkan ke metasemesta yang berupaya mengolah realiti baharu. Sudah tentu realiti ini bukan secara harfiahnya benar dan tidak lebih daripada ruang cereka yang meminjam nilai kebenaran dari dunia sebenar. Namun begitu, disebabkan pemisahan ruang fizikal dan digital mula menjadi realiti, maka kecenderungan manusia memilih kehidupan di dunia sebenar menyusut.

Maka itu, muncul gerakan seni bina yang cuba menetapkan kaedah dan paradigma dalam mereka bentuk seni bina dalam realiti baharu ini. Terdapat dua jalur pemikiran utama, iaitu yang menetapkan dunia metasemesta perlu direka bentuk sepertimana realiti sebenar, dan yang satu lagi cenderung untuk mengekspresikan reka bentuk cereka yang mustahil dicapai angkara keterbatasan lingkungan realiti sebenar. Sudah tentu kedua-dua jalur ini mempunyai idea yang berbeza kerana dunia ini masih terlalu

Kini munculnya teknologi kepintaran buatan (A.I) yang semakin memudahkan kerja tanpa perlu berfikir. Bagi yang pernah menggunakan platform A.I seperti DALL.E, ChatGPT dan MidJourney untuk melihat sejauh mana reka bentuk dan seni visual dapat dihasilkan hanya menggunakan beberapa kata kunci sahaja, mungkin sudah berfikir tentang bagaimana seni bina satu hari nanti dapat sepenuhnya direka bentuk oleh A.I.

muda untuk difahami, maka komuniti arkitek mengalu-alukan semua kemungkinan. Kini, wujud perkhidmatan mereka bentuk seni bina dan alam metasejasa yang dikelolakan oleh para arkitek daripada semua jalur pemikiran yang mencabar pemikiran dan nilai moraliti “kesenibinaan” mereka.

Telah beberapa kali arus sejarah memberikan pengajaran kepada pendidikan seni bina. Sedangkan dalam sistem pendidikan seni bina itu sendiri, sejarah diberikan penekanan. Sepertimana



pengajian sejarah dalam disiplin ilmu yang lain, sejarah seni bina mengajar kita tentang kenapa dan bagaimana perubahan seni bina berlaku. Sudah tentu banyak yang dapat dimanfaatkan daripada mempelajari sejarah seni bina kerana jika mengikut hukum alami, perubahan seni bina sentiasa berulang, cuma dalam konteks dan cabaran semasa. Namun begitu, kini keadaan ini ternyata begitu berbeza kerana desakan teknologi seolah-olah membuka lembaran dan paradigma yang sangat baharu dan tidak pernah dilihat oleh masyarakat sebelum ini.

Tidak lama dahulu, proses mereka bentuk perlu hadir daripada daya kreativiti minda dan kemahiran seseorang arkitek. Kini munculnya teknologi kepintaran buatan (A.I) yang semakin memudahkan kerja tanpa perlu berfikir. Bagi yang pernah menggunakan platform A.I seperti

DALL.E, ChatGPT dan MidJourney untuk melihat sejauh mana reka bentuk dan seni visual dapat dihasilkan hanya menggunakan beberapa kata kunci sahaja, mungkin sudah berfikir tentang bagaimana seni bina pada satu hari nanti dapat sepenuhnya direka bentuk oleh A.I.

Mungkin tidak lama lagi akan ada perisian A.I yang mampu menggantikan arkitek dalam mereka bentuk, menyediakan lukisan dan seterusnya membolehkan pengguna memuat turun dan mencetak reka bentuk seni bina hanya dengan menaip beberapa patah kata kunci sahaja. Malah reka bentuk seni bina boleh disimpan dalam blok rantai selama-lamanya dan boleh bertukar pemilikan dengan transaksi wang “kripto” sepertimana dalam dunia sebenar. Pada waktu makalah ini diterbitkan, hal ini mungkin sedang berlaku.

Seni bina itu terhasil oleh proses “bermanusia” yang dibentuk dengan sentuhan jujur manusia yang penuh dengan ketidaksempurnaan. Dalam kerangka nilai manusia sekarang, seolah-olah sebarang usaha yang menggunakan tenaga buruh manusia mula menerima stigma, kononnya usaha manual itu adalah simbol ketidakupayaan dan kesilapan. Pendigitalan dijenamakan sebagai penyelesaian kepada segala penyelesaian yang mengatasi kekuatan manusia. Malah, kemahiran tangan manusia kini dilihat sebagai bakat kraf yang nadir dan sunyi. Jika tangan-tangan kita pada hari ini tidak lejang memegang telefon mampu digunakan untuk mengawal teknologi, sudah tentu semua nilai manusia dan seni bina itu sendiri akhirnya dapat dikawal kembali oleh manusia. **DB**



Perisian yang digunakan dalam rekaan seni bina.